

GAYA PERSEMBAHAN DAN KEMAHIRAN PENULISAN

Prof. Madya Paimah bt. Atoma
Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
m-paimah@utm.my

Abstrak

Sesebuah penulisan yang terhasil adalah untuk tujuan berkomunikasi, menyatakan idea dan perasaan daripada minda penulis kepada pembaca. Oleh itu gaya penulisan mestilah sesuai dengan bentuk fakta dan khalayak pembacanya. Di samping itu penulis wajar peka tentang rekabentuk penulisan seperti konsistensi, pemilihan saiz huruf, jarak, penggunaan penomboran, kutipan dan bentuk-bentuk perenggan. Kemahiran menulis pula mesti dikuasai yang meliputi aspek penggunaan tatabahasa yang betul, kejelasan, ketepatan, kesesuaian serta

menitikberatkan kedua-dua aspek di atas dalam penulisan.

PENGENALAN

Dalam menghasilkan sebuah penulisan bermutu Gaya Persembahan (GP) dan Kemahiran Penulisan (KP) merupakan dua aspek penting yang berkaitan. Istilah gaya jika dilihat dari segi pengertian umum merupakan corak atau cara sesuatu dilaksanakan dan sering dikaitkan dengan unsur daya tarikan. Manakala kemahiran bererti cekap, pandai, lancar dan sebagainya yang dikaitkan pula dengan latihan. Berikut dilihat peranan setiap satu aspek tersebut dalam konteks penulisan berkesan.

GAYA PERSEMBAHAN

Gaya persembahan dalam penulisan begitu umum sifatnya. Ada kalanya gaya persembahan dikaitkan dengan jenis tulisan yang dihasilkan sama ada tulisan itu berbentuk prosa ataupun puisi. Jenis prosa pula terbahagi kepada bentuk ilmiah dan bukan ilmiah. Begitu juga puisi yang terbahagi kepada jenis-jenis seperti pantun, syair, sajak dan gurindam. Masing-masing bentuk mempunyai gaya persembahan penulisannya yang tersendiri.

Kaedah yang digunakan penulis dalam menghuraikan sesuatu fakta juga kadang-kadang dikaitkan dengan gaya persembahan. Ini dilihat melalui persembahan fakta yang memerlukan huraian berbentuk deskriptif, pengembangan, perbandingan, persejarahan dan kajian kes. Walau bagaimanapun, gaya persembahan dalam konteks penulisan berkesan ini lebih tertumpu kepada cara seseorang penulis itu menggunakan ilmu penulisan dan kreativiti untuk menghasilkan tulisan bentuk ilmiah yang bermutu.

Sehubungan dengan itu juga gaya persembahan yang menarik bukanlah satu hiasan asing bagi penulisan yang baik tetapi terdiri daripada bahagian-bahagian yang melengkapi. Ini kerana sebuah penulisan itu dilihat secara keseluruhan mesti mengandungi kejelasan dan kesinambungan fakta, kepelbagaian bentuk ayat,

penggunaan dan pemilihan istilah yang sesuai di samping fakta-fakta sokongan berbentuk permomboran, peratusan gambar rajah dan seumpamanya.

Di samping kebijaksanaan penulis menitikbertkan perkara-perkara di atas, beberapa elemen berikut juga menjadi daya tarikan kepada pembaca sekiranya dapat digarapkan dengan betul dalam penulisan.

Pengulangan Perkataan atau Frasa

Pengulangan perkataan atau frasa biasanya menghasilkan tulisan yang tidak bermutu jika dilakukan oleh penulis yang tidak berpengalaman. Namun pengulangan perkataan atau frasa boleh memberikan kesan positif terhadap fakta-fakta yang ingin diketengahkan.

Contoh:

Di peringkat awal krisis ini memang kita dikecewakan oleh sikap pihak berwajib yang jelas tidak peka terhadap krisis yang telahpun memperlihatkan tanda-tanda akan menjadi satu malapetaka yang buruk.

Lihat Kekerapan Penggunaan Noktah

Apabila membuat semakan semula tulisan, sekiranya terlihat ayat yang menggunakan beberapa baris tanpa tanda noktah, kaji semula binaan ayat itu dan pecahkannya menjadi beberapa ayat tanpa menghilangkan maksud yang ingin disampaikan.

Berikut ialah contoh satu ayat panjang yang sepatutnya boleh dibahagikan kepada beberapa ayat.

Seetika dahulu di Tanah Melayu (Malaysia), agama Hindu yang merupakan agama tertua di dunia, telah banyak mempengaruhi kehidupan dan kebudayaan manusia ketika akar keagamaannya bertapak teguh sebelum kedatangan Islam, namun begitu, apabila agama Islam mula menampakkan keagungan di Tanah Melayu, penduduk yang rata-ratanya berbangsa Melayu telah mengalami satu proses pengenalan dan penyesuaian terhadap agama Islam yang membawa kepada pengislaman beramai-ramai yang mengakibatkan evolusi kebudayaan sekali lagi menular dalam kebudayaan masyarakat setempat.

Rekabentuk yang Konsisten

Rekabentuk tulisan yang digunakan secara konsisten dan sesuai dengan kedudukannya juga menjadi daya tarikan pembaca. Terdapat banyak rekabentuk yang perlu diperhatikan dalam sesebuah tulisan tetapi dalam konteks artikel ini hanya empat rekabentuk diutarakan iaitu:

Saiz huruf

Pemilihan saiz huruf yang sesuai adalah penting kerana saiz huruf mempunyai peranannya yang tersendiri dalam sesebuah penulisan. Saiz huruf yang dipilih mestilah tidak terlalu kecil atau terlalu besar, bersesuaian dengan jenis penulisan yang

dihasilkan. Pada hari ini komputer digunakan dalam proses menaip dan biasanya 'font' 12 ialah saiz huruf yang sesuai bagi penulisan berbentuk ilmiah manakala 'font' 10 ialah saiz huruf untuk petikan-petikan panjang daripada sumber-sumber tertentu. Kedua-dua saiz huruf ini mesti digunakan secara konsisten supaya hasil penulisan nampak kemas, menarik dan melambangkan nilai intelek yang tinggi.

Jarak (Spacing)

Jarak antara satu baris tulisan dengan baris tulisan yang lain perlu diberikan perhatian. Jika jarak barisan terlalu rapat boleh menjejaskan minat pembaca untuk menghabiskan proses pembacaannya. Ini kerana minda pembaca cepat menjadi letih disebabkan penumpuan yang serius terhadap baris-baris yang dibaca supaya dalam proses pembacaan tadi pembaca mengharapkan tidak ada baris-baris yang tertinggal atau terulang baca.

Penomboran

Penomboran dalam konteks ini bermaksud menggunakan nombor bagi memperjelaskan hubungan sesuatu fakta utama dengan fakta yang lebih kecil. Jenis nombor yang biasa digunakan dikenal sebagai nombor Arab (1, 2, 3 dan seterusnya) dan nombor Roman (I, II, III dan seterusnya). Penggunaan nombor-nombor ini dapat membantu pembaca memahami fakta dengan lebih mudah dan bersistem.

Kutipan

Fakta dalam sesebuah penulisan ilmiah kerap disokong oleh petikan-petikan yang diambil daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, laporan, majalah dan seumpamanya. Jika kutipan yang diambil itu pendek, memadai dengan menempatkan kutipan berkenaan dalam perenggan sahaja. Sebaliknya jika kutipan itu panjangnya melebihi satu ayat, adalah sesuai jika ia diasingkan dalam satu perenggan yang diinden.

Penggunaan Pelbagai Binaan Perenggan

Pemerenggan merupakan satu aspek yang tidak kurang pentingnya dalam sesebuah tulisan. Penulis yang boleh menghasilkan perenggan yang baik sudah pasti ia boleh menghasilkan tulisan yang bermutu. Perenggan yang baik mengandungi kenyataan-kenyataan yang dapat membantu pembaca memahami tajuk.

Sebuah perenggan mesti mengandungi satu ayat topik yang menyatakan fakta utama secara spesifik. Fakta utama kemudiannya diberikan huraian lanjut melalui pembentukan ayat-ayat sokongan yang dijalin dan disusun dengan baik. Kedudukan ayat topik pula tidak semestinya pada awal perenggan tetapi ia boleh berada di tengah ataupun pada akhir perenggan. Ayat topik kemudiannya diikuti oleh beberapa ayat sokongan yang menyokong fakta utama.

Terdapat empat jenis perenggan yang biasa digunakan dalam sesebuah penulisan dan kedudukan ayat topik (ayat-ayat yang dihitamkan dalam contoh-contoh perenggan) menentukan jenis perenggan yang digunakan. Perenggan-perenggan itu ialah:

Perenggan Kaedah Deduktif

Perenggan ini meletakkan ayat topik pada bahagian awal perenggan dan diikuti oleh beberapa ayat sokongan.

Contoh: Memenuhi kehendak hidup ini, perjalanannya sukar lagi panjang. Tidak semua bernasib baik dan impian tercapai. Kesibukan membuat si ibu tidak selalu dapat memenuhi kehendak si anak. Sering keadaan memaksa seseorang ibu meminggirkan seketika hal keluarga demi kerjaya. Lebih-lebih lagi sebagai ibu tunggal, segala beban tertanggung di bahu sendiri.

Perenggan Kaedah Induktif

Dalam kaedah ini ayat topik berada pada akhir perenggan dan bertindak menyimpulkan idea-idea ayat-ayat sokongan yang terletak pada awal dan pertengahan perenggan.

Contoh: Boleh dikatakan setiap bulan ada sahaja drama lakonan Dian P. Ramlee yang ditayangkan di televisyen. Lakonannya begitu berkesan walau dalam watak apa yang dibawa. Kemunculannya dalam drama-drama tempatan membuat penonton sayang meninggalkan kaca televisyen. Dian tidak pernah memilih watak kerana baginya untuk menjadi seorang pelakon haruslah bersedia dengan apa saja watak yang diberikan. **Dian sebagai pelakon berwibawa tidak gentar dengan sebarang watak yang diserahkan kepadanya.**

Perenggan Kaedah Perbandingan

Perenggan jenis ini mengandungi dua ayat topik. Satu terletak pada awal perenggan dan satu lagi pada bahagian akhirnya. Fakta-fakta yang dimuatkan berupa fakta-fakta perbandingan dan dihubungkan oleh perkataan yang berfungsi sebagai penanda wacana.

Contoh: Penisilin ialah satu daripada berjenis-jenis ubat yang menakjubkan. Ia telah menyelamatkan dan menyembuhkan jutaan nyawa daripada serangan penyakit serta mencegah pembiakan kuman-kuman tertentu dalam tubuh manusia. **Walau bagaimanapun,** penisilin tidak memberi sedikit pun kesan ke atas penyakit lain yang dihadapi manusia seperti AIDS dan gila babi. **Sungguhpun penisilin elok sebagai ubatan, tetapi penisilin tidak menjadi penyembuh kepada semua penyakit.**

Contoh: Perenggan Kaedah Dampungan

Perenggan kaedah dampungan ini meletakkan ayat topik pada tengah-tengah perenggan. Ayat-ayat yang diwujudkan sebelum dan selepas ayat topik mengandungi fakta-fakta yang menyokong idea utama.

Contoh: Kawasan Savana ialah satu kawasan berpadang rumput dan bersungai-sungai. Kawasan ini banyak terdapat di sebelah utara dan selatan Khatulistiwa. Hawa kawasan ini berkeadaan sederhana iaitu di antara 50-75 darjah Celcius. Banyak terdapat binatang liar seperti rusa, buaya, singa, harimau, gajah dan lain-lain haiwan di kawasan ini. Di sungainya pula terdapat pelbagai jenis ikan. **Pada umumnya, kawasan ini adalah tersangat penting kepada pemburu binatang dan penangkap**

ikan. Di kawasan lembahnya terdapat banyak itik air, angsa dan ayam hutan. Gading, kulit, tanduk dan daging adalah hasil yang lumayan kepada pemburu tersebut manakala bulu-bulu burung dieksport sebagai perhiasan.

Kemahiran Penulisan (KP)

Proses menguasai kemahiran penulisan boleh disamakan dengan aktiviti bertani, bertukang dan berniaga yang memerlukan penguasaan dan kemahiran yang diperolehi melalui minat dan latihan. Begitu juga bagi seseorang yang ingin mempunyai kemahiran dalam penulisan ia wajar menanam minat seterusnya berusaha menguasai pelbagai aspek yang terlibat di samping membuat latihan-latihan. Satu daripada aspek penting dalam menghasilkan penulisan berkesan yang memerlukan kemahiran ialah tatabahasa.

Tatabahasa merupakan undang-undang kebahasaan yang perlu dipatuhi oleh pengguna bahasa sama ada dalam penulisan mahupun pertuturan. Sebarang penyimpangan dalam penggunaannya boleh menimbulkan kekeliruan dan menyebabkan komunikasi yang kurang tepat. Seseorang itu wajar mempelajari tatabahasa secara formal dan berlatih mempertingkatkan penguasaannya.

Komponen tatabahasa yang akan dilihat bagi tujuan penulisan ini ialah:

Ejaan

Kemahiran penulisan mengambil kira aspek ejaan kerana ejaan yang salah boleh mengganggu kelancaran pembaca menyelusuri fakta-fakta. Tiga perkara berikut kerap menjadi punca berlakunya kesalahan ejaan:

Kecuaian Penulis yang Tidak Melakukan Penyuntingan

Ejaan Salah	Ejaan Betul
sisitem	sistem
tradegi	tragedi
menentusahkan	menentukan
denagn	dengan
awan	awam
merekan	mereka
paduan	panduan
pastw	pasti
empat	empat

Tidak Pasti dengan Ejaan yang Betul

Ejaan Salah	Ejaan Betul
perabut	perabot
samada	sama ada
mengujudkan	mewujudkan
lapuran	laporan
definasi	definisi
kewasan	kawasan
lansung	langsung
ekspot	ekspor

Pengaruh Bahasa Ibunda dan Dialek dalam Sebutan Perkataan

Ejaan Salah	Ejaan Betul
penguna	pengguna
mengubal	menggubal
mengugat	menggugat
menaggani	menangani
palin	paling
pentin	penting

Penggunaan Sendi Nama 'dari', 'daripada' dan 'di'

Berdasarkan Tatabahasa Dewan (1989), Sendi Nama **dari** adalah digunakan di hadapan Kata Nama atau Frasa Nama yang menyatakan **arah**, **tempat** dan **waktu** atau **masa**. Manakala kata Sendi Nama **daripada** diletakkan di hadapan Kata Nama atau Frasa Nama yang menyatakan punca bagi manusia atau sesuatu benda termasuk sumber atau asal kejadian sesuatu benda dan perbezaan atau perbandingan. Berikut ialah kesalahan penggunaan kata Sendi Nama **dari** yang dilakukan penulis dalam tulisan mereka.

- Barang-barang keluaran **dari** bahan berasaskan gentian kaca ia semakin popular dan diminat.
- Selari **dari** yang disebutkan di atas, barangan gentian kaca boleh diwarnakan tanpa menggunakan cat.
- Kawasan tapak kilang perlu kepada keadaan fizikal yang baik iaitu bebas **dari** banjir dan takungan air.
- Acuan** mestilah bersih **dari** sebarang kekotoran dan habuk.

Dalam contoh di atas kata Sendi Nama **daripada** adalah yang sepatutnya digunakan dan bukan kata Sendi Nama **dari** seperti yang ditulis penulis.

Sendi Nama **di** pula digunakan khusus di hadapan Kata Nama atau Frasa Nama yang menunjukkan tempat. Kata sendi Nama ini ditulis terpisah daripada Kata Nama dan Frasa Nama yang mengikutinya.

Contoh:

Ibunya bekerja **di** pejabat itu.
Pengembara itu sesat **di** dalam hutan.

Seterusnya Sendi Nama **di** tidak boleh digunakan di hadapan Kata Nama atau Frasa Nama yang menerangkan waktu, masa atau zaman.

Penggandaan Kata

Berdasarkan Tatabahasa Dewan (1989), kata ganda ialah kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar sama ada kata ganda tersebut diulang secara keseluruhan atau pada bahagian-bahagian tertentu dan dengan imbuhan atau tanpa imbuhan.

Kata dasar dalam bahasa Melayu boleh digandakan mengikut golongannya seperti berikut:-

(a) **Penggandaan penuh**

Contoh:

pulau-pulau
buku-buku
tiba-tiba

(b) **Penggandaan separa**

Contoh:

laki → lelaki
jari → jejari
rambut → rerambut

(c) **Penggandaan berentak**

Contoh:

sayur-mayur
suka-duka
anak-pinak

Kerap kali terdapat kekeliruan dilakukan oleh penulis dalam menggandakan kata dasar yang menunjukkan bilangan lebih daripada satu walaupun telah dinyatakan melalui kata penunjuk bilangan di depan kata dasar berkenaan seperti dalam contoh berikut:

Salah

Beberapa rumah-rumah ...
Ramai pelajar-pelajar ...
Mereka-mereka

Betul

Beberapa buah rumah ...
Ramai pelajar ...
Mereka

Tanda Baca

Tanda baca memainkan peranan penting dalam penulisan. Selain daripada berfungsi memberikan kerehatan kepada pembaca tanda baca digunakan membawa maksud tertentu. Contohnya jika dalam Ayat Tanya tanpa diletakkan tanda soal pada penghujung ayat maka ayat tersebut boleh memberikan maksud lain atau memungkinkan ayat-ayat tersebut dikategorikan dalam Ayat Pernyataan.

Tanda noktah (.) merupakan tanda baca yang paling penting tetapi kadangkala terdapat penulis yang gagal menggunakannya pada tempat yang betul. Begitu juga dengan tanda koma (,) yang berfungsi untuk membezakan beberapa huraian fakta sesebuah ayat yang panjang sering diabaikan penggunaannya oleh penulis.

Pembentukan Ayat

Ayat merupakan unit pengucapan yang paling tinggi kedudukannya dalam tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Ayat terbentuk daripada satu perkataan atau himpunan beberapa perkataan. Ayat mempunyai pelbagai bentuk iaitu daripada bentuk yang mudah kepada bentuk yang kompleks.

Kebolehan menghasilkan sesuatu bentuk ayat yang sempurna dalam penulisan adalah penting. Fakta yang banyak dalam sesuatu penulisan akan gagal dihayati oleh pembaca jika ayat yang digunakan tidak mantap atau kerap tergantung. Oleh itu kemahiran ini boleh dikuasai melalui latihan yang banyak dan pembacaan yang luas.

Jenis kesalahan pembentukan ayat yang ketara adalah seperti berikut:-

(a) Ayat tergantung

Contoh:

1. Adalah kaedah ketiga yang digunakan untuk membangunkan para pengurus.
2. Selaras dengan matlamat dan objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan.

(b) Fakta dalam ayat tidak tersusun

Contoh:

“Sebahagian besar individu yang berhijrah ke syarikat lain mengalami suatu keadaan yang dikenali “Job Dissatisfactions”. Ini berlaku ke atas individu yang merasakan kerjaya yang dipegang tidak memberikan kepuasan kerja yang banyak dan makin rumit, atau kecekapan dan kemahiran yang mereka ada tidak digunakan sepenuhnya dan agak terbatas, atau kurang delegasi tugas kepada mereka atau sebagainya”.

(c) **Permulaan ayat yang tidak sesuai**

Contoh:

1. Andainya ialah, terdapat satu kolerasi positif antara pengurusan kecairan dan aliran tunai yang cekap dengan tahap keberjayaan syarikat.
2. Serta kakitangan KUBH yang telah membantu memberikan kerjasama kepada pihak kami sepanjang tempoh latihan tersebut.

(d) **Pembentukan ayat yang tidak memberi makna**

Contoh:

Misalnya sebuah keluarga yang menimpa keadaan huru-hara akan meruntuhkan keluarga ini pada bila-bila masa apabila salah seorang daripada ahli keluarga sering menjadi pencuri atau penyala api antara ahli keluarga tersebut.

2. Sementara itu segregasi merujuk kepada keadaan sesuatu kaum mengekalkan corak hidup dan identitinya tersendiri, di mana mengasingkan diri daripada kaum yang lain.

Berdasarkan kepada contoh-contoh binaan ayat di atas menunjukkan bahawa penulis tidak mempunyai kaedah menyusun fakta secara sistematik. Penulis juga masih tidak mempunyai kemahiran yang mantap dalam penghasilan ayat yang mudah apatah lagi dalam bentuk yang kompleks

PENUTUP

Keberkesanan sesebuah penulisan tidak hanya terletak pada kewajaran fakta-fakta yang digunakan dan lain-lain mekanisme yang terlibat tetapi juga bergantung kepada aspek gaya dan kemahiran penulis itu sendiri. Kecacatan sesebuah penulisan itu segera kelihatan dan dirasakan pembaca jika berlaku pengabaian ke atas kedua-dua aspek tersebut.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Maskudi Kader. 1987. *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn dan Hashim Hj. Musa. 1989. *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Reader's Digest. 1993. *How to Write and Speak Better*. London: The Reader's Digest Association Limited.